

TARIKH : 27 APRIL 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## OPR kekal isyarat jelas Malaysia utamakan pertumbuhan ekonomi

# OPR kekal isyarat jelas Malaysia utamakan pertumbuhan ekonomi

Dasar perlihatkan kesan negatif ringgit lemah adalah terhad kepada negara

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Keputusan** mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) tidak berubah, walaupun inflasi stabil dan sederhana adalah isyarat jelas bahawa Malaysia mengutamakan pertumbuhan berbanding mata wang, kata Ketua Ahli Ekonomi Oxford Economics, Sunny Liu. Beliau berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan OPR pada paras 3.00 peratus sejak Mei 2023 meskipun ringgit baru-baru ini mencecah paras rendah dalam tempoh 26 tahun pada RM4.80 berbanding dolar AS.

Katanya, keutamaan dasar terhadap pertumbuhan itu memperlihatkan kesan negatif mata wang yang lemah adalah terhad kepada negara ini.

"Contohnya, Malaysia tidak banyak mengalami inflasi yang diimport dan pembayaran hutang asing yang lebih mahal," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Dari segi inflasi yang diimport, Liu berkata, kadar pertukaran dilepaskan melalui harga domestik adalah terhad, dengan inflasi Malaysia kekal rendah pada 1.5 peratus.

Beliau berkata, ia berikutan import barangan untuk kegunaan domestik adalah agak rendah iaitu hanya kira-kira 25 peratus daripada

jumlah barangan import.

Katanya, kebanyakan import adalah untuk barangan perantara bagi pasaran luar.

### Kos bayaran hutang asing

Dari segi peningkatan kos pembayaran hutang asing, Liu berkata, ia secara relatifnya adalah tinggi iaitu kira-kira 65 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tetapi hanya satu pertiga didenominasikan dalam mata

wang asing.

Beliau berkata, pendedahan itu sama ada kebanyakannya lindung nilai atau tergolong dalam peminjaman antara syarikat dan antara bank yang agak stabil.

"Dalam konteks ini, tidak menghairankan bahawa kebimbangan bank pusat mengenai pertumbuhan ekonomi mengatasi kebimbangannya terhadap mata wang yang lemah.

"Hasilnya, kami menjangkakan BNM mengekalkan pendirian

dasar yang longgar dan kekal bertolak ansur dengan ringgit yang lemah," katanya.

Perkembangan di Malaysia itu, kata Liu berbeza dengan Indonesia apabila bank pusatnya, Bank Indonesia (BI) pada Rabu lalu memutuskan untuk menaikkan kadar dasar sebanyak 25 mata asas kepada 6.25 peratus.

Beliau berkata, ia dilihat sebagai satu keputusan sukar diambil oleh bank pusat berkenaan kerana kadar terabit adalah paras yang tertinggi sejak Julai 2019.

"Kenaikan itu kebanyakannya adalah disebabkan oleh kelemahan berterusan mata wang (Indonesia)," katanya.

